

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

RAW 552 Amalan Profesional Seni Bina

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

- (i) Jawab EMPAT soalan sahaja.
- (ii) Soalan SATU diwajibkan.

1. (Soalan ini mesti dijawab)

- (a) Anda telahpun dilantik sebagai arkitek perunding oleh seorang klien yang mempunyai 10 ekar tanah pertanian. Tanah tersebut akan ditukar guna tanahnya kepada projek perumahan kos rendah.

Senaraikan permohonan-permohonan yang perlu dibuat dari mula hingga rumah-rumah tersebut dapat diduduki oleh pembeli-pembeli.

- (b) Ringkaskan perjalanan proses pentadbiran sebelum kebenaran perancangan dikeluarkan.

(25 markah)

2. Di bawah peruntukan kod profesional, skedul tiga (peraturan 27) Peraturan Arkitek 1973, apakah tanggong-jawab seorang arkitek berkaitan dengan perkara-perkara berikut?.

- (i) Bayaran dan Upahan.
- (ii) Pengiklanan dan mendapatkan kerja.
- (iii) Kejujuran terhadap rakan seperjuangan.
- (iv) Percanggahan tugas dan tanggongjawab.

(25 markah)

...2/-

3. Bayaran Profesional Arkitek bergantung kepada kos binaan sesuatu projek. Bincangkan.
- (a) Bagaimakah klien dapat memastikan bahawa arkitek yang dilantik itu tidak akan, secara langsung atau tidak langsung, menukar rekabentuk projek yang akan melibatkan penambahan kos keseluruhan, dan seterusnya kos bayaran profesionalnya?.
- (b) Bagaimakah kontraktor dapat memastikan bahawa arkitek tidak akan berlaku tidak adil di dalam mentadbirkan kontrak, sedangkan bayaran profesionalnya dibayar oleh klien?.

(25 markah)

4. Apakah bentuk-bentuk praktis seni bina yang boleh dipraktiskan oleh seorang arkitek di Negara ini?.

Nyatakan syarat-syarat terkandung yang dikenakan kepada bentuk-bentuk praktis ini.

(25 markah)

5. Terangkan kepada klien anda apakah yang dimaksudkan dengan perkataan 'timbang tara'?.. Anda perlu juga memberikan nasihat kepadanya tentang kebaikan dan keburukan proses 'timbang tara' ini.

(25 markah)

6. Untuk membolehkan pemilik bangunan mendapatkan kontraktor yang baik dengan harga kontrak yang berpatutan, anda sebagai arkitek projek ini, telah mencadangkan tawaran dibuat secara pilihan.

Apakah kriteria pilihan yang perlu anda adakan sebelum menjemput kontraktor-kontraktor ini mengemukakan tawaran mereka.

(25 markah)

-ooooOoooo-